



LPM/PMR(2)2007

*PENILAIAN  
MENENGAH  
RENDAH  
2007*

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN**



LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1, 2, 5 – 13, BLOK E11  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA  
TEL: 03-8884 3000

## **PERINGATAN KEPADA CALON**

Letakkan **Kad Pengenalan/Borang Pengenalan Diri** dan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** anda di atas meja sepanjang masa peperiksaan.

### **Arahan Tentang Kertas Jawapan Objektif Aneka Pilihan:**

1. Gunakan **pensel 2B** atau **BB**. Gunakan pemadam jenis getah lembut sahaja untuk memadam tanda jawapan yang tidak dikehendaki.
2. Pastikan maklumat pada kertas Jawapan Objektif Bermaklumat tepat dan betul.
3. **JANGAN** lipat, gulung, renyuk, buat lubang atau tanda yang tidak dikehendaki di atas kertas jawapan objektif.

### **Arahan Tentang Penggunaan Buku Jawapan (BJ):**

1. Gunakan pena dakwat hitam atau biru untuk menulis maklumat dan jawapan.
2. Helaian tambahan boleh didapati daripada pengawas sekiranya perlu.
3. Mata Pelajaran yang menggunakan Buku Jawapan (BJ) ialah:  
Bahasa Melayu Kertas 2 (02/2), Bahasa Inggeris 2 (12/2),  
Bahasa Cina Kertas 2 (32/2), Bahasa Tamil Kertas 2 (33/2)  
Bahasa Punjabi (34), Bahasa Iban (37) dan Pendidikan Islam Kertas 1 (45/1).

## AMARAN KEPADA CALON

1. **Jangan** lipat kertas jawapan anda.
2. **Jangan** dedahkan kertas jawapan anda sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
3. **Jangan** meniru atau beri peluang meniru kepada calon lain.
4. **Jangan** beri atau mendapat pertolongan atau melakukan sebarang perbuatan yang tidak jujur.
5. **Jangan** berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar bilik/dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.
6. **Jangan** bawa masuk ke dalam bilik/dewan peperiksaan sebarang buku, nota, sebarang kertas atau catatan termasuk Jadual Waktu ini kecuali alat-alat yang dibenarkan untuk kegunaan semasa peperiksaan.
7. **Jangan** bawa keluar dari bilik/dewan peperiksaan kertas jawapan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan.
8. **Jangan** menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak diri anda di dalam peperiksaan.
9. **Jangan** tukar tempat duduk yang telah ditetapkan kepada anda tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas.
10. **Jangan** memakai pakaian yang menjolok mata atau tidak sesuai.
11. **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau dekat bilik/dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.
12. Calon sekolah dikehendaki memakai pakaian seragam sekolah.
13. Calon yang melanggar mana-mana amaran di atas boleh dikenakan tindakan yang setimpal seperti berikut:
  - a. **Disingkir daripada mengambil peperiksaan.**
  - b. **Dilarang meneruskan peperiksaan bagi kertas-kertas selanjutnya.**
  - c. **Dibatalkan keputusan mata pelajaran atau keseluruhan keputusan peperiksaan.**
  - d. **Digantung daripada mengambil peperiksaan selama beberapa tahun.**

HARI/TARIKH	ISNIN 1 OKTOBER 2007			
WAKTU	KOD	PERKARA / MATA PELAJARAN	MASA	JENIS KERTAS
8.00 pg – 8.15 pg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
8.15 pg – 9.15 pg	02/1	Bahasa Melayu Kertas 1	1 jam	Objektif Aneka Pilihan
9.45 pg – 9.55 pg (10 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Subjektif.			
9.55 pg – 11.55 pg	02/2	Bahasa Melayu Kertas 2	2 jam	Subjektif
2.00 ptg – 2.10 ptg (10 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Subjektif.			
2.10 ptg – 4.10 ptg	45/1	Pendidikan Islam Kertas 1	2 jam	Subjektif

HARI/TARIKH	SELASA 2 OKTOBER 2007			
WAKTU	KOD	PERKARA / MATA PELAJARAN	MASA	JENIS KERTAS
8.00 pg – 8.15 pg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
8.15 pg – 9.15 pg	12/1	Bahasa Inggeris Kertas 1	1 jam	Objektif Aneka Pilihan
9.45 pg – 9.55 pg (10 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Subjektif.			
9.55 pg – 11.25 pg	12/2	Bahasa Inggeris Kertas 2	1 jam 30 min	Subjektif
11.55 pg – 12.10 tgh (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
12.10 tgh – 1.10 ptg	55/1	Science Paper 1	1 jam	Objektif Aneka Pilihan
2.20 ptg – 2.30 ptg (10 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Subjektif.			
2.30 ptg – 4.00 ptg	55/2	Science Paper 2	1 jam 30 min	Subjektif

HARI/TARIKH	RABU 3 OKTOBER 2007			
WAKTU	KOD	PERKARA / MATA PELAJARAN	MASA	JENIS KERTAS
8.00 pg – 8.15 pg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
8.15 pg – 9.30 pg	50/1	Mathematics Paper 1	1 jam 15 min	Objektif Aneka Pilihan
10.00 pg – 10.10 pg (10 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Subjektif.			
10.10 pg – 11.55 pg	50/2	Mathematics Paper 2	1 jam 45 min	Subjektif
2.00 ptg – 2.15 ptg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
2.15 ptg – 3.30 ptg	21/1	Sejarah Kertas 1	1 jam 15 min	Objektif Aneka Pilihan

HARI/TARIKH	KHAMIS 4 OKTOBER 2007			
WAKTU	KOD	PERKARA / MATA PELAJARAN	MASA	JENIS KERTAS
8.00 pg – 8.15 pg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
8.15 pg – 9.45 pg	76/1	Kemahiran Hidup Bersepadu – Kemahiran Teknikal (KHB-KT) Kertas 1	1 jam 30 min	Objektif Aneka Pilihan
	77/1	Kemahiran Hidup Bersepadu – Ekonomi Rumah Tangga (KHB-ERT) Kertas 1	1 jam 30 min	Objektif Aneka Pilihan
	78/1	Kemahiran Hidup Bersepadu – Pertanian (KHB-Pert) Kertas 1	1 jam 30 min	Objektif Aneka Pilihan
	79/1	Kemahiran Hidup Bersepadu – Perdagangan dan Keusahawanan (KHB-PK) Kertas 1	1 jam 30 min	Objektif Aneka Pilihan
10.20 pg – 10.30 pg (10 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Subjektif.			
10.30 pg – 1.00 tgh	31/1	Bahasa Arab Komunikasi Kertas 1	2 jam 30 min	Subjektif
10.30 pg – 12.30 tgh	32/2	Bahasa Cina Kertas 2	2 jam	Subjektif
	33/2	Bahasa Tamil Kertas 2	2 jam	Subjektif
	34	Bahasa Punjabi	2 jam	Subjektif
	37	Bahasa Iban	2 jam	Subjektif
2.00 ptg – 2.15 ptg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
2.15 ptg – 3.15 ptg	32/1	Bahasa Cina Kertas 1	1 jam	Objektif Aneka Pilihan
	33/1	Bahasa Tamil Kertas 1	1 jam	Objektif Aneka Pilihan

HARI/TARIKH	JUMAAT 5 OKTOBER 2007			
WAKTU	KOD	PERKARA / MATA PELAJARAN	MASA	JENIS KERTAS
8.00 pg – 8.15 pg (15 min)	Arahan oleh Ketua Pengawas tentang perjalanan Ujian Objektif Aneka Pilihan. <b>(Risalah 03M/04M)</b>			
8.15 pg – 9.30 pg	23/1	Geografi Kertas 1	1 jam 15 min	Objektif Aneka Pilihan

# ARAHAN DAN AMARAN

**Pengetua** dikehendaki memberitahu calon tentang **arahan dan amaran** yang dinyatakan di bawah ini.

**Ketua Pengawas** hendaklah menentukan segala arahan dan amaran berikut mendapat perhatian calon.

**Calon** dinasihati supaya membaca dan **mematuhi** segala arahan dan amaran dalam Jadual Waktu ini.

## ARAHAN AM KEPADA CALON

1. Anda hendaklah berada di tempat duduk dalam bilik/dewan peperiksaan 10 minit sebelum masa yang ditetapkan bagi peperiksaan itu.
2. Calon yang tiba lewat akan dikehendaki memberi sebab yang munasabah kepada Ketua Pengawas. Kertas soalan tidak akan diberikan kepada calon yang tiba lewat lebih daripada **30 minit** kecuali dalam keadaan yang istimewa.
3. Letakkan **Kad Pengenalan/Borang Pengenalan Diri** dan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** anda di atas meja sepanjang masa peperiksaan.
4. Semak butir-butir pada pelekat meja anda. Jika semuanya betul turunkan tandatangan anda pada pelekat itu.
5. Beritahu Pengawas dengan serta-merta jika anda diberi **kertas soalan yang berlainan** daripada yang tercatat di dalam Jadual Waktu atau menerima kertas soalan yang tidak lengkap.
6. Tulis **Angka Giliran** dan **Nombor Kad Pengenalan** anda dengan jelas pada tiap-tiap helaian tambahan kertas jawapan, kertas kaligrafi, peta, graf dan sebagainya yang anda gunakan.
7. Baca semua arahan pada kertas soalan itu dengan teliti sebelum anda mula menjawab.
8. Gunakan kedua-dua belah kertas jawapan melainkan jika arahan pada kertas soalan itu menegah berbuat demikian. Biarkan ruang di tepi kiri dan kanannya kosong. Mulakan jawapan tiap-tiap soalan pada helaian yang baru. Bagi tiap-tiap bahagian soalan itu, mulakan pada baris yang baru.
9. Tuliskan dengan terang nombor jawapan anda mengikut nombor soalan seperti yang diberikan dalam kertas soalan pada permulaan tiap-tiap jawapan. **Jangan** buang masa menyalin soalan.
10. Tuliskan jawapan anda dengan menggunakan pena dakwat hitam atau biru supaya mudah dibaca. Pena mata bola dari jenis yang baik boleh juga digunakan. Pensel atau pena berdakwat warna boleh digunakan untuk melukiskan gambar rajah dan peta sahaja.
11. Bawa alat-alat geometri dan alat-alat melukis bagi mata pelajaran yang memerlukannya.
12. Kalkulator bukan saintifik/program boleh digunakan untuk **semua mata pelajaran kecuali** untuk mata pelajaran **Mathematics Paper 2(50/2)**.
13. Kamus **tidak boleh dibawa masuk ke dalam bilik/dewan peperiksaan**.
14. Apabila anda disuruh berhenti menulis, susun kertas jawapan anda mengikut susunan yang betul. Pastikan anda telah menulis angka giliran yang betul pada setiap helaian tambahan kertas jawapan. Ikat kesemuanya pada sudut kiri sebelah atas dan pastikan kertas jawapan anda tidak terlipat. Anda mestilah duduk di tempat anda semasa kertas jawapan anda dipungut oleh Pengawas.
15. **Jangan** keluar dari bilik/dewan peperiksaan sebelum tamat masa yang diperuntukkan bagi kertas soalan itu, melainkan dengan kebenaran Pengawas. Calon tidak dibenarkan keluar dalam tempoh **10 minit** terakhir.
16. Anda dilarang merokok di dalam bilik/dewan peperiksaan.
17. Anda tidak dibenarkan membawa kertas soalan keluar dari bilik/dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.
18. Anda tidak dibenarkan membawa masuk telefon bimbit ke dalam bilik/dewan peperiksaan.

## **JADUAL MASA TAMBAHAN**

### **A. Calon Buta, Rabun, Pelbagai Kecacatan dan Kemalangan**

1. Masa yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis kertas peperiksaan.
2. Calon yang mengalami kemalangan:  
Calon yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
3. Lain-lain kecederaan boleh diberi pertimbangan atas nasihat Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan.

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam 30 minit atau kurang	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam

### **B. Calon Bermasalah Pendengaran**

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam atau kurang	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	2 jam	30 minit
5	2 jam 30 minit	40 minit

# **URUSAN SERI PADUKA BAGINDA**

Angka Giliran anda ialah

--	--	--	--	--	--	--	--	--

Pusat Peperiksaan anda ialah di .....

.....  
.....

Kepada :

Encik/Cik : .....

.....  
.....